

01/12/2000

Banyak bercakap daripada bekerja

Ibrahim Ali

SETELAH melihat sendiri dan memerhati di sekeliling mengenai gelagat kepemimpinan dan penyokong fanatik Pas, tergerak di hati saya untuk menyatakan pendapat dan pandangan untuk renungan semua.

Apa yang dapat saya katakan ialah cara kepemimpinan kerajaan Pas bukan sahaja tidak telus, malah mereka tidak tulus dalam pentadbiran mereka dan menjaga kebajikan rakyat Terengganu seperti yang mereka janjikan dalam manifesto pilihan raya mereka dahulu.

Lain mereka cakap lain pula mereka bikin, sudah hampir setahun memerintah, mereka lebih banyak memerintah daripada mentadbir negeri. Pemimpin Pas lebih banyak menghabiskan masa berceramah daripada mencari jalan untuk membaik pulih keadaan ekonomi rakyat dan negeri.

Ceramah demi ceramah diadakan dan dihadiri orang sama, dengan topik sama iaitu mencaci dan mencerca individu dan juga pemimpin tertinggi negara dengan sikap buruk sangka tiada satu pun yang betul dilakukan kerajaan Pusat.

Semuanya salah, semuanya tidak betul sedangkan mereka sendiri tidak melakukan apa-apa kecuali berceramah dan mencaci cela orang lain. Apakah itu ajaran Islam cara Pas?

Ramai yang sudah diberhentikan tanpa ada rasa belas kasihan dan khabarnya ramai yang diberikan kata dua, ikut cara Pas atau berhenti. Tidak ada paksaan dalam Islam tetapi Islam Pas boleh. Tetapi ramai yang memandang dengan sebelah mata kerana itu tindakan Tok Guru. Saya secara peribadi menyarankan Tok Guru dan konconya berguru dulu dengan Perdana Menteri yang mereka benci Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cara yang betul dan berkesan untuk mentadbir negeri, terutama bagaimana untuk memulihkan ekonomi dan cara bagaimana untuk memberikan tender balak, banyak yang dapat dan banyak yang terlepas. Bayangkanlah kalau wang ihsan jatuh ke tangan Pas.

Pas sepatutnya menaikkan semangat kerja keras dan menggalakkan rakyat Terengganu supaya bekerja dan berusaha dengan lebih kuat untuk memajukan ekonomi dan bukannya memutarbelitkan isu wang ihsan dengan menanamkan sikap benci dan buruk sangka terhadap pemerintah Pusat dan tidak mahu bertegur sapa, malah memutuskan hubungan dengan mereka yang menyokong Umno.

Jauh lagi untuk berunding dan bertolak ansur sesama kaum dan bangsa, malah sikap buruk sangka mereka terhadap orang lain terlalu menebal.

Keseluruhan rakyat Terengganu sepatut dan seharusnya belajar daripada kesilapan lalu dan berfikir dengan lebih matang dan rasional demi untuk kebaikan anak-anak kita dan generasi akan datang.